



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 13, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511
Faks : 603-88886188

KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA INFLUENZA A (H1N1) 16 APRIL 2010

Sehingga jam 8:00 pagi pada 16 April 2010, Kementerian telah menerima sejumlah sembilan (9) laporan kejadian kluster ILI daripada lima (5) buah negeri seperti di '**Lampiran 1**'.

Sementara itu, sehingga jam 5:30 petang 15 April 2010, jumlah terkumpul kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah sebanyak 549 kes. Daripada jumlah tersebut, 62 kes (11.3%) telah disahkan positif influenza A(H1N1), manakala sembilan (9) kes dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Jumlah terkumpul kes H1N1 adalah 13,061. Tiada laporan kematian yang diterima semalam.

Kementerian Kesihatan ingin terus mengingatkan masyarakat bahawa penularan jangkitan Influenza A(H1N1) terus aktif di dalam komuniti. Masyarakat perlu sentiasa mengamalkan langkah-langkah pencegahan yang telah dihebahkan sebelum ini. Orang awam yang mempunyai faktor risiko seperti ibu hamil, menghadapi penyakit kronik seperti asma, diabetes, buah pinggang, jantung dan lain-lain, harus segera mendapatkan pelalian vaksin A(H1N1) di 104 fasiliti Kementerian seluruh Negara. Hasil pemantauan pemberian vaksinasi oleh Kementerian Kesihatan mendapati vaksin ini adalah selamat tanpa sebarang kesan sampingan yang serius. Maklumat lanjut berkenaan influenza A(H1N1) boleh didapati dengan melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 16 April 2010

Senarai Laporan Kejadian Kluster *Influenza-Like Illness* (ILI) Yang Diterima Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Sehingga 8:00 Pagi Pada 16 April 2010

Bil.	Institusi	Bil. terdedah	Bil. Kes ILI di dalam kluster	Keputusan Sampel Positif H1N1	Tindakan diambil
1	Rumah Kediaman Kampung Pasir Putih , Kalumpang, Hulu Selangor, Selangor	6 orang	3 orang		Semua diberi rawatan antiviral, dirawat sebagai pesakit luar
2	Kem PLKN De' Bana, Jempol, Negeri Sembilan	428 orang	7 orang	Menunggu keputusan	1 kes dimasukkan ke wad, antiviral diberi
3	Sekolah Rendah USJ 20, Subang Jaya, Selangor	1053 orang	2 orang	Menunggu keputusan	Rawatan antiviral diberi
4	Sekolah Menengah Pulau Serai, Dungun Terengganu	857 orang	7 orang	Menunggu keputusan	Dirawat sebagai pesakit luar, antiviral tidak diberi
5	Keluarga Lorong Seri Damak 26A, Taman Sri Andalas, Klang, Selangor	4 orang	2 orang	2 sampel positif H1N1	Dimasukkan ke KPJ Selangor, rawatan antiviral diberi
6	Tadika Perpaduan Taman Mewah, Batu Pahat, Johor	15 orang	15 orang	Menunggu keputusan	Tiada rawatan antiviral diberi
7	Sek. Men. Agama Rompin, Johor	515 orang	27 orang	Menunggu keputusan	Tiada diberi rawatan antiviral
8	Kg. Sg. Jerik, Maran, Pahang	11 orang	2 orang	Menunggu keputusan	Dimasukkan di wad dan diberi rawatan antiviral
9	SK Seri Kg Tengah, Kluang, Johor	950 orang	2 orang	1 sampel positif H1N1	1 kes diberi rawatan antiviral dan dirawat di wad Hospital Kluang